

PENILAIAN IMPAK SOSIAL KAWASAN PENGUSAHASILAN DALAM HUTAN SIMPANAN KEKAL (HSK) DI NEGERI SEMBILAN TAHUN 2023

Pendahuluan

Pengurusan hutan yang cekap dan penggunaan sumber asli yang mampan adalah penting dalam mencapai pembangunan lestari dan memastikan kesejahteraan alam sekitar. Hala tuju pengurusan sumber secara mampan memerlukan komitmen semua pihak berkepentingan dan Malaysia di antara negara pengeluar utama kayu tropika sentiasa meningkatkan piawaian ke tahap yang lebih baik. Selain daripada keperluan untuk kestabilan ekonomi, tanggungjawab terhadap alam sekitar dan sosial juga perlu dititik beratkan bagi memastikan matlamat pelaksanaan Sistem Pengurusan Hutan Secara Berkekalan dapat dicapai.


Penilaian impak sosial bagi kawasan pengusahasilan dalam HSK adalah perlu dilaksanakan di setiap kawasan pengusahasilan yang telah diluluskan. Ini bagi memastikan pandangan masyarakat yang tinggal berhampiran kawasan pengusahasilan diambilkira dan dipandang berat bagi membantu merancang pengurusan hutan di masa hadapan, selain memastikan pelaksanaan aktiviti pengusahasilan adalah berlandaskan peraturan dan undang-undang semasa yang berkuatkuasa.

Metodologi


Penilaian terhadap maklum balas Borang Penilaian Impak Sosial Kawasan Pengusahasilan dalam HSK di Negeri Sembilan bagi aktiviti sebelum, semasa dan selepas pengusahasilan dilaksanakan bagi tahun 2023. Perbandingan peratusan maklum balas positif dan negatif oleh responden kepada aktiviti pengusahasilan di kawasan tertentu dalam HSK dikira berdasarkan kepada bilangan soalan yang dijawab dalam Borang Kaji Selidik (*Questionnaire*) yang telah diedarkan.

Penilaian Impak Sosial

Rajah 1: Peratus (%) maklumbalas positif terhadap penilaian impak sosial bagi kawasan pengusahasilan dalam HSK di Negeri Sembilan untuk tahun **2023**.



Rajah 2: Peratus (%) maklumbalas negatif terhadap penilaian impak sosial bagi kawasan pengusahasilan dalam HSK di Negeri Sembilan untuk tahun **2023**.



Berdasarkan analisa di atas, didapati peratusan maklumbalas positif responden terhadap aktiviti pengusahasilan di tiga (3) kawasan usahasila iaitu Kompt. 30&35 HS Kenaboi, Kompt.33 HS Serting dan Kompt.73&80 HS Pasoh adalah lebih tinggi iaitu di antara julat 62% hingga 82% berbanding maklumbalas negatif yang lebih rendah iaitu di antara julat 18% hingga 38%. Walaubagaimanapun, maklumbalas responden bagi kawasan usahasila di Kompt. 15&16 HS Gallah adalah lebih negatif berbanding tiga (3) kawasan usahasila yang lain. Penilaian impak sosial selepas usahasila bagi Kompt.15&16 HS Gallah dan Kompt.33 HS Serting belum boleh dilaksanakan kerana lesen usahasila di kawasan tersebut masing-masing belum diperbaharui dan dalam proses penanaman pokok di lorong penarik sebelum penyediaan laporan penutup.

Sehubungan dengan itu, langkah-langkah mitigasi telah diambil oleh pihak jabatan seperti melaksanakan sesi konsultasi bersama penduduk Kg. Orang Asli di sekitar kawasan usahasila terutamanya di Kompt.15&16 HS Gallah disamping mengambilkira akan kemudahan asas di kawasan penempatan tersebut seperti bekalan air bersih dan elektrik yang mencukupi, agar tidak mendatangkan gangguan terhadap kehidupan masyarakat setempat. Perkara ini dilihat seiring dengan penilaian awal Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan (JPNNS) bagi mengenalpasti sekiranya aktiviti pengusahasilan yang akan dilaksanakan di kawasan tersebut berisiko mendatangkan impak negatif kepada penduduk setempat.

Selain itu, aktiviti pengusahasilan ini bukan sahaja dapat membuka peluang pekerjaan kepada penduduk yang tinggal berhampiran, juga warung-warung serta kedai runcit berhampiran menerima perbelanjaan bagi mendapatkan keperluan harian daripada pekerja-pekerja syarikat pengusahasilan. Di samping itu, dengan adanya jalan hutan yang dibina dan diselenggara dengan baik, masyarakat setempat terutamanya orang asli mendapat kemudahan laluan darat yang digunakan dalam aktiviti penyaraan hidup, seperti mencari hasil hutan iaitu buah-buahan nadir, tumbuhan ubatan dan lain-lain. Lanjutan itu, amalan Sistem Pengurusan Memilih (*Selective Management System*) juga mengehendaki pihak syarikat pengusahasilan agar

mematuhi peraturan dan undang-undang semasa yang berkuatkuasa seperti yang telah dinasihatkan oleh pihak JPNNS.

Kesimpulan

Secara amnya, amalan pengurusan hutan secara berkekalan dengan berlandaskan perkhidmatan hutan yang menyumbang kepada sosio-ekonomi masyarakat mampu memberi impak positif kepada masyarakat setempat. Komitmen dan intergriti semua pihak dalam memelihara khazanah hutan dapat menjamin kemandirian taraf hidup sejagat di samping menjamin kemampunan sumber kepelbagaian biologi Negara.